

26/05/2005

ABDULLAH-PROTON

PROTON MESTI BERUSAHA SERIUS KEMBANG SAYAP KE LUAR NEGARA - PM

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 26 Mei (Bernama) - Pembuat kereta nasional, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), mesti melakukan usaha serius untuk mempertingkatkan agihan pasarannya di luar negara di samping mengambil langkah-langkah untuk mencipta inovasi dan menyusun strategi baru bagi menghadapi persaingan sengit daripada kereta import dalam pasaran domestik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini.

"Peningkatan jumlah kereta import (di Malaysia) berlaku secara berterusan dan saya percaya ia akan terus meningkat. Jika Proton berhasrat mengeluarkan lebih banyak kereta bagi pasaran automotif yang semakin berkembang di Malaysia... itupun baik juga bagi Proton.

"Pada masa yang sama, Proton perlu melakukan usaha serius untuk merebut sebahagian daripada agihan pasaran luar negara," katanya kepada pihak media Malaysia pada akhir lawatannya selama tiga hari ke Jepun hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan oleh penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, di Putrajaya semalam bahawa kebanjiran kereta dari luar negara telah menjejaskan jualan kereta nasional.

Bekas perdana menteri itu dilaporkan berkata bahawa kurangnya kawalan ke atas kemasukan kereta dari luar negara ke dalam pasaran Malaysia telah menjejaskan jualan Proton.

Abdullah berkata, Proton juga mempunyai reputasi yang baik kerana orang dalam industri kereta di luar Malaysia yang ditemuinya berminat untuk mengadakan perkongsian dengan pembuat kereta nasional itu.

Perdana Menteri berkata, beliau optimis Proton boleh menghadapi persaingan dari luar negara itu, khususnya dengan kemudahan kilang ultra modernnya di Tanjung Malim.

"Dengan penubuhan kilang baru itu, Proton akan dapat mengeluarkan kereta yang lebih baik pada masa akan datang dan pada harga yang berdaya saing," katanya sambil menambah, Proton seharusnya boleh menambah baik teknologinya dan mempertahankan kedudukannya dalam pasaran automotif.

"Saya percaya Proton boleh menjadi bertambah baik, lebih maju dari segi teknologi. Pasaran kereta memang sengit persaingannya dan hanya yang terbaik boleh mencapai prestasi tinggi, dan hanya yang terbaik boleh mendapat pasaran.

"Kita perlu menjadi yang terbaik. Melainkan kita sanggup berbuat demikian, tidak banyak yang boleh kita harapkan," tegas Abdullah.

Mengenai keupayaan negara mencapai peningkatan 5.7 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama tahun ini, Perdana Menteri berkata ia dicatatkan ketika senario ekonomi global tidak memberangsangkan pada masa ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia tidak mengunjurkan pertumbuhan yang tinggi tahun ini berdasarkan situasi ekonomi dunia yang tidak cergas sekarang.

Beliau menyifatkan peningkatan itu sebagai pencapaian yang memberangsangkan dan memberikan keyakinan bahawa negara dapat mencatat pertumbuhan lebih baik bagi keseluruhan tahun 2005.

"Jika pertumbuhan suku pertama lebih baik (daripada unjuran), mudah-mudahan ia menjadi 'momentum' untuk mencapai pertumbuhan lebih baik bagi keseluruhan 2005," katanya.

Ketika mengumumkan prestasi ekonomi suku pertama di Kuala Lumpur semalam, Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz berkata penyumbang

utama pertumbuhan adalah sektor pertanian dan perkhidmatan yang masing-masing meningkat sebanyak 6.0 peratus dan 6.0 peratus.

Pada suku terakhir tahun lepas, pertanian berkembang sebanyak 7.3 peratus manakala perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.5 peratus.

Sektor perlombongan meningkat sebanyak 3.3 peratus (4.4 peratus pada suku sebelumnya), pembinaan menguncup 2.4 peratus (-2.6 peratus), manakala pembuatan menokok sebanyak 5.6 peratus (5.5 peratus).

Zeti berkata pertumbuhan pada suku pertama adalah besar dengan semua sektor ekonomi kecuali pembinaan mencatatkan kadar pertumbuhan positif.

-- BERNAMA

MFJ SHY KY